

Bab 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan satu bahasa yang amat luas kawasan penyebarannya. Bahasa ini juga menjadi bahasa kebangsaan di empat buah negara, iaitu Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Republik Indonesia. Di keempat-empat negara tersebut, bahasa Melayu juga memainkan peranan sebagai bahasa rasmi, walaupun taraf penggunaannya berbeza-beza¹.

Bukan sahaja bahasa Melayu tersebar luas dalam lingkungan negara-negara tersebut yang membentuk kawasan induk dunia Melayu, malah terdapat sejumlah besar penutur bahasa Melayu di luar lingkungan ini, seperti di Kepulauan Sulu dan Pulau Mindanao di Filipina, daerah Champa di Kampuchea serta di wilayah sempadan selatan Negeri Thai dan lain-lain lagi. Dengan kata lain, bahasa Melayu meliputi seluruh kawasan Nusantara dan layak dipanggil sebagai salah satu bahasa antarabangsa. Menurut Collins (1995 : 102), “bahasa Melayu sesungguhnya milik dunia, khazanah internasional”.

¹Di Singapura, bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa rasmi utama atau bahasa kerja. Di Brunei pula, bahasa Inggeris juga digunakan sebagai salah satu bahasa pengantar di sekolah di samping bahasa Melayu.

Penyebaran bahasa Melayu yang begitu luas disebabkan oleh pelbagai faktor. Dari segi sejarah, bahasa ini telah digunakan sebagai bahasa rasmi oleh kerajaan-kerajaan Melayu di kepulauan Melayu, seperti Kerajaan Seriwijaya, Kerajaan Aceh, Kerajaan Riau, Kesultanan Melayu Melaka dan kesultanan-kesultanan yang lain.

Di samping itu, bahasa Melayu juga telah berfungsi sebagai bahasa perhubungan luas (*lingua franca*) di daerah ini, baik untuk perdagangan maupun keagamaan. Kebetulan pula, kepulauan Melayu merupakan tempat pertembungan pedagang-pedagang dari timur dan barat (Khrongchai Hattha, 1988). Selat Melaka pula menjadi jalan raya laut bagi para pedagang; maka tidak hairanlah bahasa yang digunakan oleh penduduk tempatan sepanjang pantai barat Semenanjung Tanah Melayu dan pesisir pantai timur Pulau Sumatera menjadi bahasa perhubungan yang digunakan oleh para pedagang dari timur dan barat (Taib Osman, 1981 : 102).

Dari segi keagamaan pula, bahasa Melayu digunakan sebagai alat penyebaran berbagai-bagai agama. Pada mulanya agama Hindu-Buddha yang datang dari India menjadi agama bagi kaum atasan di Nusantara (Taib Osman, 1988 : 45) sekaligus dengan konsep pemerintahan dewa-raja. Walaupun bahasa Sanskrit digunakan sebagai bahasa kitab suci agama tersebut, bahasa Melayu tetap memainkan peranan yang penting dalam hal ini. Perkara ini boleh dibuktikan melalui perkataan Sanskrit yang bersifat keagamaan yang diambil ke dalam bahasa Melayu, seperti *dewa, dewi, neraka, syurga, pahala* dan sebagainya. Kemasukan kata-kata ini adalah hasil daripada penggunaan bahasa Melayu dalam bidang keagamaan Hindu-Buddha.

Agama Islam pula bukan sahaja menjadi agama kaum atasan seperti agama Hindu-Buddha, tetapi tersebar luas dalam semua lapisan masyarakat. Untuk tujuan berdakwah kepada orang kebanyakan yang tidak berpendidikan bahasa Arab, bahasa Melayu dijadikan alat dakwah Islamiah. Kitab-kitab yang dihasilkan dalam bahasa Melayu oleh alim ulama membuktikan hal ini. Malah kitab-kitab ini telah memainkan peranan yang amat mustahak dalam pengajaran agama Islam dalam sistem pendidikan pondok (Hassan Madmarn, 1999 : 49).

Bukan sahaja agama Islam disebarluaskan melalui bahasa Melayu di kepulauan Melayu, agama Kristian juga disebarluaskan melalui bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar oleh paderi-paderi agama Kristian bagi penduduk peribumi yang tidak beragama atau menganut animisme. Menurut Ismail Hussein (1966 : 38), Saint Francis-Xavier menulis keterangan mengenai agama Kristian untuk tujuan berdakwah kepada penduduk di Kepulauan Maluku pada abad ke-16.

Terdapat juga catatan sejarah yang membuktikan penyebaran bahasa Melayu yang dihasilkan oleh bangsa Eropah. Menyaksikan penyebaran bahasa Melayu yang begitu luas, Ds Francois Valentjin telah menyatakan seperti yang berikut:

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh kepulauan Melayu dan di negeri-negeri sebelah Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *Lingua Franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarnya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja

dimengerti di Parsi, bahkan lebih jauh daripada negeri itu dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina".
 (Francois Valentjin, dipetik daripada Ismail Hussein, 1966 : 45)

Di samping itu, ramai orang Eropah telah mengusahakan daftar kata atau kamus bahasa Melayu (Nik Safiah Karim dll., 1993 : 15-16). Ini juga menjadi salah satu bukti betapa luasnya penyebaran bahasa Melayu dan pada masa yang sama betapa bergunanya bahasa tersebut bagi orang-orang luar.

Dalam dunia Melayu ini, terdapat satu lagi bahasa yang amat kaya dengan khazanah sastera dan perbendaharaan kata, iaitu bahasa Jawa. Penuturnya amat mahir dalam pelbagai bidang kesenian seperti pembinaan, tarian, nyanyian, ukiran, pembuatan kain batik dan sebagainya. Dengan kata lain, dari segi taraf kebudayaannya, bangsa Jawa jauh melebihi kumpulan bangsa lain di seluruh kepulauan Melayu. Jumlah penutur asli bahasa Melayu pula tidak pernah melebihi jumlah penutur asli bahasa Jawa (Asmah Haji Omar, 1982 : 2).

Walaupun demikian, kawasan penyebaran bahasa Jawa terbatas di daerah asalnya sendiri, kecuali kawasan imigran orang Jawa yang keturunannya terdapat di daerah tertentu di Malaysia². Keterbatasan penyebaran bahasa Jawa ternyata disebabkan oleh kesulitan bahasa tersebut bagi orang-orang luar. S. T. Alisjahbana (1981 : 81) menyatakan bahawa "salah satu sebab bahasa Jawa kalah kepada bahasa Melayu dalam perjuangan untuk menjadi bahasa Indonesia terletak dalam kerumitan bahasa Jawa tentang tingkat-tingkat bahasanya". Untuk menjalankan perbualan seharian dengan licin

² Menurut perhatian pengkaji sendiri, bahasa Jawa yang digunakan oleh penduduk 'kampung Jawa' di beberapa tempat di Malaysia (di Patah Pedang, Batu Pahat dan Meru, Klang) kebanyakannya merupakan kelainan 'ngoko', iaitu bahasa kasar dan kelainan lain yang lebih tinggi tidak digunakan lagi.

(supaya tidak menyinggung perasaan pendengar), penutur bahasa Jawa, sekurang-kurangnya dikehendaki menguasai tiga kelainan yang dinamakan sebagai “kromo inggil (kelainan halus)”, “madyo (kelainan sederhana)” dan “ngoko (kelainan kasar)”. Ketigatiga kelainan memiliki kosa kata yang berlainan (Susan Romain, 1994 : 20-21) dan ini tentulah menyulitkan penguasaan, terutamanya bagi orang luar³. Dengan demikian, walaupun memiliki khazanah sastera dan kebudayaan tinggi, bahasa Jawa tidak menjadi *lingua franca* di kepulauan Melayu, malah di tempatnya sendiri bahasa yang dipilih sebagai bahasa nasional ialah bahasa Indonesia.

Berbanding dengan bahasa Jawa, bahasa Melayu memiliki sifat yang lebih sederhana, yang pada masa yang sama memudahkan proses pembelajaran bagi orang luar. Menurut Alisjahbana (dalam Awang Sariyan, 1994 : 6-7), kesederhanaannya terletak pada faktor-faktor berikut:

- (1) fonem yang tidak mengandungi bunyi yang sukar bagi orang luar
- (2) susunan katanya yang bersahaja, yang kebanyakannya terdiri daripada dua atau tiga suku kata
- (3) pola suku kata yang berpusat sepenuhnya pada vokal dan akhir sekali
- (4) tatabahasa yang tidak mengandungi hukum yang rumit mudah dipelajari oleh orang luar

³ Perbezaan kosa kata merangkumi hampir semua golongan kata. Bukan sahaja kata nama, kata kerja dan kata sifat, tetapi kata sendi nama, kata hubung dan kata bilangan juga berlainan antara ketiga-tiga kelainan tersebut.

Oleh sebab bahasa Melayu tersebar di kawasan yang begitu luas, maka arah perkembangannya tidak selalu di daerah masing-masing. Sebagai sifat semula jadi bahasa, di tempat lain berkembanglah loghat yang berlainan, dengan adanya batas geografi seperti rimba hutan, sungai, pergunungan tinggi dan sebagainya. Bahasa Melayu juga tidak terkecuali daripada gejala ini. Di samping itu juga, kawasan Nusantara dibagi-bagi oleh kuasa penjajah Barat mengikut imbalan kekuasaannya. Malaya jatuh di tangan Inggeris, India Timur di tangan Belanda, Timor Timur di tangan Portugis dan Filipina pula dijajah oleh Sepanyol dan seterusnya Amerika. Negeri-negeri Melayu di luar utara jajahan Inggeris pula ditakluki oleh Kerajaan Siam sejak tahun 1902. Pembahagian kawasan ini juga mempengaruhi pembentukan negara pada zaman pascaperang dunia kedua dan negara-negara ini juga menjalankan dasar bahasa masing-masing terhadap bahasa Melayu.

Selain itu, di daerah ini terdapat banyak sekali bahasa peribumi atau bahasa pendatang yang juga mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu. Dengan dipengaruhi oleh unsur-unsur yang disebut di atas ini, bahasa Melayu di negara-negara ini berkembang mengikut arah perkembangannya masing-masing dan menunjukkan perbezaan yang amat menarik dari berbagai-bagi segi.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih dua kelainan bahasa Melayu sebagai bahan kajian, iaitu bahasa Melayu di Malaysia (terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu) dan bahasa Melayu dialek Patani⁴, iaitu dialek yang digunakan di wilayah sempadan selatan Negeri Thai dan membandingkan arah perkembangannya.

⁴ Tentang penulisan nama tempat ini, jika mengikuti transkripsi dari bahasa Thai, akan menjadi ‘Pattani’.

1.2 Bidang Kajian

Kajian ini bersifat kajian sosiolinguistik dengan tumpuan kepada gejala dwibahasa yang memberikan pengaruh yang besar terhadap arah perkembangan bahasa. Secara umum, sosiolinguistik dianggap sebagai bidang kajian yang meninjau hubungan antara bahasa dan masyarakat. Manakala dwibahasa pula bermaksud keadaan berbahasa yang merangkumi penggunaan lebih daripada dua kelainan bahasa, baik pada peringkat kemasyarakatan mahupun pada peringkat individu (sila rujuk bahagian 1.8).

Tumpuan kajian dilakukan di Semenanjung Malaysia dan di selatan Thailand. Kerajaan Malaysia menganggap konsep Melayu, terutamanya dalam bidang bahasa, sebagai salah satu teras perpaduan negara; manakala kerajaan Thailand pula menganggap konsep Melayu sebagai satu ancaman terhadap perpaduan negara yang berteraskan bahasa Thai dan agama Buddha. Hal ini kerana konsep Melayu di Thailand dikaitkan erat dengan agama Islam. Perbezaan konsep Melayu ini juga memberi pengaruh yang amat besar terhadap dasar kerajaan yang dilaksanakan oleh kerajaan kedua-dua negara tersebut. Dasar kerajaan ini pula menjadi salah satu penentu utama arah perkembangan bahasa yang berlainan.

Di Malaysia, bahasa Melayu diberikan taraf yang amat selesa dan dipupuk mengikut edaran zaman sehingga mampu digunakan dalam semua bidang termasuk bidang sains dan teknologi, walaupun masih terdapat beberapa masalah tentang

Tetapi pengkaji mengikuti cara umum yang digunakan dalam bahasa Melayu, iaitu ‘Patani’, seperti yang digunakan oleh Mohd. Zamberi A. Malek (1994) dan sebagainya.

penggunaan yang tidak menyeluruh seperti dalam sektor swasta, bidang perundangan, pengajian tinggi dan sebagainya. Sebaliknya di Thailand bahasa Melayu dialek Patani tidak menerima kesan yang positif sama sekali daripada dasar kerajaan Thai. Dasar kerajaan Thai yang bersifat asimilasi bertujuan meluaskan penggunaan bahasa Thai, dan sebagai akibatnya dasar yang sama menyingkirkan bahasa Melayu daripada bidang penggunaan tertentu, terutamanya pentadbiran dan pendidikan. Seterusnya aspek kemasyarakatan ini memberi pengaruh kepada aspek kebahasaan.

Latar belakang kebahasaan juga dibahagikan kepada dua aspek. Aspek pertama ialah aspek sejarah bahasa Melayu dengan menumpukan perhatian kepada kata-kata pinjaman yang sudah menjadi darah daging bahasa Melayu. Aspek ini perlu dibincangkan kerana pengaruh bahasa asing (sila rujuk **bab 4**) merupakan khazanah bersama yang dimiliki oleh seluruh kelainan bahasa Melayu, termasuk bahasa Melayu di Malaysia dan dialek Patani di selatan Thailand yang dibandingkan dalam kajian ini. Manakala unsur asing yang dibincangkan dalam **bab 6** dan **7** merupakan unsur yang menentukan arah perkembangan yang berlainan di antara bahasa Melayu dengan dialek Patani. Dengan adanya perbincangan aspek sejarah ini, perbezaan antara dua kelainan bahasa Melayu yang dipilih sebagai bahan kajian akan lebih jelas. Latar belakang aspek kebahasaan yang kedua ialah keterangan ringkas mengenai profil sosiolinguistik Thailand, terutamanya yang berkaitan dengan dialek selatan sambil menerangkan beberapa gejala kebahasaan menarik yang terdapat dalam dialek tersebut.

Perbandingan aspek kebahasaan yang dibincangkan dalam **bab 6** dan **7** menumpukan perhatian utama kepada gejala-gejala dwibahasa, seperti kata pinjaman,

peralihan kod serta pengaruh terhadap susunan ayat. Perbandingan gejala dwibahasa ini perlu untuk melihat perbezaan arah perkembangan bahasa yang berlainan di antara kedua-dua kelainan bahasa Melayu yang dipilih sebagai bahan kajian.

Bahasa Melayu di Malaysia pula dipengaruhi oleh bahasa Inggeris, tetapi bahasa Inggeris yang memberi pengaruh terhadap bahasa Melayu ialah bahasa Inggeris ala Malaysia, iaitu bahasa Inggeris yang hampir tidak mempunyai penutur asli, sebaliknya digunakan sebagai bahasa perhubungan; manakala bahasa Thai yang memberi pengaruh kepada dialek Patani ialah bahasa yang digunakan oleh golongan majoriti sebagai bahasa ibundanya. Dengan demikian, pengaruh terhadap bahasa Melayu juga perlu dibincangkan pada tahap yang berlainan seperti yang dibincangkan dalam **bab 6** dan **7**.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan arah perkembangan bahasa Melayu di dua daerah, iaitu di Malaysia, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu dan di wilayah sempadan selatan Thailand, khususnya wilayah Patani.

Sebenarnya di Thailand terdapat dua dialek bahasa Melayu, iaitu dialek Patani dan dialek Satun-Nakhon Sri Thanmarat. Dalam kajian ini dialek Patani menjadi tumpuan kerana jumlah penuturnya jauh melebihi dialek Satun-Nakhon dan dengan itu keadaannya lebih mantap. Dialek Patani dituturkan di wilayah luar Patani seperti di

Narathiwat, Yala dan sebahagian dari Songkla, memandangkan bahawa Patani merupakan pusat pemerintahan pada zaman Kesultanan Melayu Patani, pusat perdagangan serantau dan pusat pendidikan Islam bagi wilayah ini (Hasan Madmarn, 1999 : 12). Maka sebagai mewakili dialek yang kawasan liputannya luas ini, panggilan ‘dialek Patani’ digunakan dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, beberapa aspek perkembangan bahasa Melayu di dua buah negara dibandingkan, kerana aspek-aspek berkenaan menunjukkan arah perkembangan yang berlainan. Aspek-aspek yang dibandingkan ialah seperti yang berikut:

1. Perbandingan konsep ‘Melayu’
2. Perbandingan dasar kerajaan dan kesannya terhadap perkembangan bahasa Melayu
3. Perbandingan pengaruh terhadap bahasa Melayu, khususnya dari segi gejala dwibahasa yang melibatkan peminjaman.

Seterusnya pengajian mengenai dialek Patani masih tidak banyak jumlahnya, terutamanya yang ditulis dalam bahasa Melayu. Berhubungan dengan itu, dalam perbandingan ini, diharap agar dapat dibina sebuah kerangka teoretis dalam kajian perbandingan bahasa dari segi Sosiolinguistik. Di bahagian terakhir, ditinjau beberapa masalah, cabaran serta ancaman yang berkaitan dengan kedua-dua kelainan bahasa Melayu di Malaysia dan Thailand dan akhirnya dirumuskan ramalan arah perkembangan bahasa Melayu pada masa hadapan.

1. 4 Tinjauan Terhadap Kajian Lalu

Setakat ini belum ada kajian sosiolinguistik terhadap keadaan bahasa Melayu di Malaysia dan Thailand yang bersifat perbandingan, baik dalam bahasa Melayu, bahasa Thai mahupun dalam bahasa Inggeris. Sumalee (1994) menjalankan kajian sosiolinguistik terhadap sistem panggilan dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai, tetapi kajian ini bukan kajian yang membandingkan bahasa Melayu di kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menumpukan perhatian kepada bidang-bidang yang berkaitan dengan disertasi ini.

Tentang hasil kajian yang membincangkan bahasa Melayu dalam konteks yang luas, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa, terdapat kajian yang dijalankan oleh James T. Collins (1995 dan 1998), Ismail Hussein (1995), Tham Seong Chee (1990) dan sebagainya. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji di atas ada satu persamaan utama, iaitu membincangkan sejarah bahasa Melayu terutamanya dari segi pengaruh bahasa asing, di samping menegaskan peranan yang dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan yang utama di seluruh kawasan Nusantara.

Hasil kajian tentang keadaan sosiolinguistik di Malaysia amat banyak, antaranya yang dijalankan oleh Asmah Haji Omar (1975, 1982, 1992 dan 1993), Hassan Ahmad (1997), Nik Safiah Karim (1988 dan 1992) dan sebagainya. Asmah Haji Omar (1975, 1982 dan 1992) menerangkan profil sosiolinguistik dan kepelbagaiannya yang ada di Malaysia sebagai masyarakat berbilang kaum, serta corak penggunaan bahasa yang memperlihatkan gejala-gejala dwibahasa, seperti peralihan kod, diglosia dan

sebagainya. Beliau juga menjalankan tinjauan yang menyeluruh terhadap perkembangan perancangan bahasa di Malaysia (1993). Hassan Ahmad (1997) pula memberi ulasan yang terperinci mengenai kesan perancangan taraf bahasa terhadap penggunaan bahasa Melayu. Nik Safiah Karim dalam kajiannya (1988 dan 1992) memberi keterangan mengenai perancangan bahasa dan membincangkan cabaran terhadap bahasa Melayu, baik dari segi penggunaannya mahupun dari segi tarafnya.

Kajian tentang bahasa Melayu dialek Patani masih tidak banyak jumlahnya, baik dalam bahasa Melayu mahupun dalam bahasa-bahasa yang lain. Walau bagaimanapun terdapat beberapa hasil kajian yang berkaitan dengan bidang kajian disertasi ini.

Dua kajian tentang keadaan sosiolinguistik bahasa Melayu di Thailand dilakukan oleh Worawit Baru @ Ahmad Idris. Dalam disertasi sarjana Pengajian Melayu, beliau menjalankan kajian terhadap pengaruh bahasa Thai ke atas dialek Melayu Patani (1990). Dalam kajian ini, beliau menyorot kepada beberapa aspek kebahasaan yang mempengaruhi bahasa Melayu dialek Patani, terutamanya gejala kata pinjaman daripada bahasa Thai. Beliau juga menjalankan kajian terhadap kesan dasar kerajaan terhadap bahasa Melayu di Thailand (1999) sebagai disertasi untuk ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.). Disertasi ini pula menumpukan perhatian utama kepada aspek dasar kerajaan Thai yang berkaitan dengan penggunaan bahasa, di samping membincangkan aspek-aspek yang berkaitan seperti masalah orang Melayu dan jati diri Melayu di Thailand.

Waemaji Paramal dalam disertasi Ijazah Sarjana (MA) (1991), menjalankan kajian terhadap gejala konsonan panjang yang terdapat dalam dialek Patani. Walaupun kajian ini menumpukan perhatian utama kepada gejala fonologi yang khusus dalam dialek tersebut, kajian ini juga memberi beberapa maklumat umum berkaitan dengan bahasa Melayu dialek Patani, seperti penggunaan bahasa, gejala kata pinjaman dan sebagainya.

Amon Thawisak (1987) pula mengkaji beberapa dialek bahasa Melayu yang terdapat dalam negara Thai, termasuk dialek Patani. Dalam kajian ini beliau membandingkan aspek sebutan perkataan-perkataan tertentu di antara beberapa dialek, seperti dialek Patani, dialek Satun, dialek sekitar Bangkok dan sebagainya.

Hassan Madmarn (1998) membuat tinjauan terhadap peralihan sistem pendidikan agama Islam di Thailand, terutamanya sekolah pondok atau madrasah yang sekarang kebanyakannya ditukarkan menjadi sekolah swasta mengajar agama Islam (dalam bahasa Thai dipanggil *roong rian soon satsanaa itsalaam*). Dalam kajian ini terdapat beberapa gambaran yang berkaitan dengan peralihan dasar pendidikan kerajaan Thai kepada penduduk Muslim (terutamanya orang Melayu). Di penggunaan bahasa dalam sistem sekolah pondok.

Seterismua Mohd. Zamberi A. Malek (1994) membincangkan budaya dan masyarakat Melayu Patani secara menyeluruh dan menumpukan perhatian utama kepada aspek sejarah perjuangan masyarakat tersebut. Dalam kajian ini terdapat keterangan tentang dasar asimilasi kerajaan Siam/Thai terhadap masyarakat Melayu

Patani. Perjuangan masyarakat Melayu Patani pula diberikan keterangan terperinci dalam kajian yang dilakukan oleh Nik Anwar Nik Mahmud (1999).

Kajian tentang keadaan sosiolinguistik di Thailand yang menumpukan perhatian kepada bahasa Thai dilakukan oleh William Smalley (1994). Kajian ini, di samping menyorot kepada keadaan sosiolinguistik bahasa Thai sebagai tajuk utama, membincangkan masalah sosiolinguistik bahasa-bahasa minoriti di Thailand, termasuk bahasa Melayu dialek Patani. Aspek yang dibincangkan di sini ialah berkaitan dengan aspek kemasyarakatan, seperti dasar kerajaan Thai, sistem pendidikan, perbezaan budaya antara bangsa Thai dengan bangsa Melayu dan sebagainya.

Chantas Thongchuai (1984 dan 1989) pula membuat kajian terhadap bahasa Thai dialek selatan, yang sebahagian kawasan pertuturnya merangkumi wilayah sempadan selatan Thai (iaitu kawasan bahasa Melayu dialek Patani). Selain membincangkan aspek linguistik bahasa Thai dialek selatan, terutamanya aspek fonologi, beliau juga memberi ruang kepada gejala yang menarik dalam dialek berkenaan, terutamanya kata-kata pinjaman daripada bahasa Melayu.

1.5 Perkaedahan Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian, iaitu membandingkan arah perkembangan bahasa Melayu di Malaysia dan Thailand, tiga objek utama telah dipilih untuk tujuan perbandingan. Beberapa kaedah kajian digunakan untuk mencapai tujuan tersebut.

1.5.1 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, kaedah yang memainkan peranan yang paling penting ialah kajian kepustakaan. Perbincangan dalam bahagian awal yang merupakan keterangan mengenai latar belakang kebahasaan dan aspek dasar kerajaan adalah bergantung kepada kajian kepustakaan sepenuhnya. Perbincangan dalam bahagian yang seterusnya dijalankan berdasarkan bahan yang dipungut melalui kajian kepustakaan.

Di samping kajian kepustakaan sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data, terdapat juga kaedah lapangan turut digunakan melalui teknik rakaman rancangan media elektronik seperti radio dan televisyen, temu bual dan pemerhatian sebagai menyokong dapatan daripada kajian kepustakaan. Bagaimanapun rakaman tidak dilakukan di tempat-tempat seperti pasar, kedai kopi, masjid dan sebagainya kerana tempat-tempat tersebut tidak mengizinkan rakaman dilakukan.

Pengkaji bermastautin di dua buah negara yang menjadi kawasan kajian. Masa kajian dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Pengkaji berada selama setahun di Kuala Lumpur, Malaysia, iaitu sejak bulan April 1998 hingga bulan Mac 1999.
2. Seterusnya pengkaji berada di selama dua tahun di Patani, Thailand, iaitu sejak bulan April 1999 hingga tamat penyelidikan.

Pengkaji perlu berada di kedua-dua buah negara selama tempoh kajian untuk menguasai kelainan bahasa Melayu di negara tersebut sambil memerhatikan gejala kebahasaan.

1.5.2 Bahan dan Sumber Kajian

Kebanyakan bahan kajian bertulis yang digunakan dalam kajian ini dihasilkan dalam bahasa Melayu. Bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa-bahasa lain, terutamanya bahasa Thai dan bahasa Inggeris, digunakan sebagai bahan sampingan dan sebagai rujukan dalam kajian kepustakaan.

Contoh penggunaan bahasa yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada bahan cetakan seperti majalah, buku panduan perbualan, rakaman rancangan media elektronik seperti rancangan radio dan televisyen. Beberapa buah buku panduan perbualan dialek Patani yang ditulis bahasa Thai juga digunakan. Buku-buku panduan tersebut digunakan untuk mengambil contoh ayat, hukum tatabahasa dan sebagainya. Bahan-bahan yang digunakan ialah buku panduan perbualan bahasa Patani seperti yang dihasilkan oleh Prasit dan Paitoon (tidak dinyatakan tahun penerbitan), Phitsamai

(1984) dan Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, *Prince of Songkla University* (1998).

1.5.3 Analisis Data

Data yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada kajian kepustakaan dan kajian lapangan melalui teknik rakaman dan pemerhatian. Data daripada bahan kajian dipilih berdasarkan kepentingan teori kajian ini. Pada peringkat perkataan data yang dipilih ialah yang menunjukkan gejala-gejala seperti kata pinjaman mengikut bidang-bidang tertentu, pinjaman terjemah serta istilah campuran. Manakala di peringkat ayat pula data yang menunjukkan pengaruh daripada bahasa asing dengan jelas dipilih. Data ini seterusnya dikaitkan dengan gejala dwibahasa yang dibincangkan dalam **bab 6** dan **7**.

1.6 Masalah Kajian

Dalam usaha mengumpulkan bahan-bahan yang perlu untuk membincangkan keadaan sosiolinguistik di Malaysia, pengkaji hampir tidak mengalami masalah, kerana bahan kajian dalam bentuk cetakan amat banyak.

Masalah timbul apabila pengkaji mengumpul bahan-bahan tentang bahasa Melayu dialek Patani. Pertama ialah penguasaan dialek Patani. Oleh sebab kelainan bahasa yang diajarkan kepada orang asing pada umumnya kelainan baku, amat sukar

untuk orang asing menguasai dialek ini. Walau bagaimanapun, hal ini dapat diatasi dengan mengikuti kursus bahasa Melayu dialek Patani untuk pekerja Perbadanan Telefon Thailand, yang diadakan di *Prince of Songkla University*, Kampus Pattani pada bulan Mei, 1999.

Di samping itu, dalam bahasa Melayu dialek Patani, terutamanya yang digunakan di kawasan bandar, terdapat gejala-gejala dwibahasa Melayu-Thai yang amat rumit, bermula daripada kata pinjaman sehingga peralihan kod. Dengan demikian, pengkaji bukan sahaja perlu menguasai bahasa Melayu dialek Patani, tetapi juga harus menguasai bahasa Thai untuk memahami gejala dwibahasa dengan jelas. Oleh itu pengkaji juga meminta bantuan daripada seorang pensyarah bahasa Thai di Prince of Songkla University untuk mengajar bahasa Thai sejak bulan Disember 1997 hingga bulan Mac 1998).

1.7 Kerangka Teoretis

Dalam perbandingan yang dilakukan dalam kajian ini, digunakan beberapa kerangka teoretis yang berkaitan dengan bidang sosiolinguistik dengan sedikit sebanyak penyesuaian untuk tujuan kajian ini.

Dalam **Bab 3**, yang menjalankan perbandingan mengenai kesan dasar kerajaan terhadap bahasa Melayu, kaedah teoritis yang berlainan perlu diambil. Hal ini kerana dasar kerajaan di kedua-dua negara amat berlainan sifatnya. Dalam penjelasan

mengenai kesan dasar kerajaan terhadap bahasa Melayu di Malaysia, kerangka mengenai dasar bahasa (*language policy*) boleh digunakan sepenuhnya, kerana bahasa Melayu merupakan kelainan bahasa yang menjadi tumpuan utama dasar bahasa di Malaysia.

Sebaliknya, kaedah yang sama tidak dapat diambil untuk keterangan tentang dialek Patani di selatan Thailand, kerana dasar yang boleh disifatkan sebagai dasar bahasa tidak dilaksanakan sama sekali terhadap bahasa Melayu. Langkah kerajaan yang bersifat kebahasaan cuma dijalankan untuk penyebaran bahasa Thai sahaja. Sebaliknya, tindakan kerajaan Thai yang diambil terhadap bahasa Melayu seolah-olah bertujuan untuk “mengundurkan” bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kaedah teoritis yang digunakan untuk keterangan tentang keadaan di Malaysia tidak dapat digunakan untuk keadaan di Thailand. Walaupun begitu, kerangka teori dasar bahasa juga boleh diaplikasikan untuk melihat kesan negatif dasar kerajaan terhadap sesuatu bahasa.

Dalam perbandingan pengaruh bahasa utama terhadap bahasa Melayu dalam **Bab 6** dan **7** pula, kerangka yang digunakan ialah kerangka teoretis dwibahasa yang dibina berdasarkan sistem pertuturan manusia. Terdapat beberapa kerangka teoritis yang menerangkan sistem berbahasa manusia.

Kerangka yang digunakan di sini ialah kerangka yang berdasarkan teori yang dianjurkan oleh Ferdinand de Saussure (1915). Proses berbahasa di sini dianggap sebagai “perujukan *langue* secara memilih”, iaitu *konsep* yang ada dalam minda penutur dijadikan *parole* (pertuturan) melalui perujukan *langue* yang dilakukan secara memilih.

Dalam konteks hubungannya dengan sosiolinguistik, *langue* juga mengalami sedikit sebanyak peluasan makna. *Langue* yang pada mulanya digunakan oleh Saussure untuk menerangkan sistem berbahasa manusia secara umum boleh juga digunakan dalam konteks sosiolinguistik, sekiranya *langue* ini dianggap sebagai “keseluruhan kod bahasa yang dimiliki oleh seseorang penutur”.

Pada konteks awal, *langue* dianggap sebagai “sistem masyarakat” yang objektif. Tetapi di sini dianggap sebagai “kod dalaman (bermaksud kod yang ada dalam minda penutur) yang dianggap oleh penutur sebagai sistem masyarakat”, iaitu kod dalaman yang bersifat subjektif. Hal ini kerana sekiranya *langue* merupakan sistem masyarakat yang objektif, tidak dapat diterangkan peralihan bahasa mengikut zaman. *Langue* dalam kajian ini dianggap sebagai sistem atau kod dalaman, yang ada dalam minda penutur dan bersifat subjektif. Dengan adanya tafsiran sistem berbahasa manusia yang diterangkan di atas, konsep *langue* juga boleh diaplikasikan untuk menerangkan gejala dwibahasa yang menjadi tumpuan dalam perbandingan yang dilakukan dalam **Bab 6**.

1.8 Kesesuaian Kajian

Dari segi daerah lingkupnya, kajian ini berada dalam lingkungan kajian wilayah (*area studies*), iaitu pengajian Melayu, kerana walaupun kini kedua-dua kawasan kajian dipisahkan oleh sempadan negara, pada masa lampau merupakan satu lingkungan budaya yang sama, terutamanya ketika zaman kesultanan Melayu Patani. Dari segi pendekatan teori serta kaedahnya pula, kajian ini bersifat sosiolinguistik. Seterusnya

akan dijelaskan kesesuaian kajian ini dalam kedua-dua bidang tersebut, iaitu bidang kajian wilayah dan sosiolinguistik.

1.8.1 Kesesuaian Dari Segi Bidang Pengajian Melayu

Sebelum menjelaskan kesesuaian kajian ini dalam pengajian Melayu, kita perlu memberi tafsiran mengenai pengajian Melayu. Dalam Syarahan Perdananya, Nik Safiah Karim (1993 : 2-4) menurunkan beberapa tafsiran pengajian Melayu yang dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu. Menurut syarahan perdana tersebut, tafsiran pertama ialah yang dilakukan oleh Roolvink (1962). Beliau mentafsirkan pengajian Melayu sebagai “perhatian ilmiah terhadap bahasa dan kesusastraan Melayu dengan pengertian yang amat luas, iaitu meliputi kajian terhadap manusia Melayu dari segala aspek, seperti bahasanya, agamanya, sejarahnya, falsafahnya dan masyarakatnya, dengan kata-kata lain, seluruh aspek kehidupannya.”

Seterusnya, pada tahun 1981 dalam syarahan perdana “Pengajian Melayu sebagai bidang ilmiah di universiti”, Mohd. Taib Osman menyatakan bahawa “bidang Pengajian Melayu bertolak daripada kehidupan orang Melayu, memusatkan perhatian pertama-tamanya kepada manusia Melayu dan kemudian melihat disiplin-disiplin ilmiah yang ada kaitan dengan manusia Melayu” (dipetik daripada Nik Safiah Karim, 1993 : 3).

Dari segi geografi pula, sebelum Universiti Malaya (UM) berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur, pengajian Melayu ialah bidang pengajian yang berkisar

dalam konteks Tanah Melayu sahaja dan dijalankan demi kepentingan pentadbiran penjajahan. Oleh sebab itu Taib Osman menyatakan bahawa “apabila Pengajian Melayu dikemukakan sebagai bidang ilmu, maka semua sempadan politik tidak dapat digunakan. Sempadan yang mutlak ialah sempadan proses sejarah, sempadan taburan penduduk sesuatu kumpulan etnik dan sempadan pertalian bahasa dan kebudayaannya antara penduduk itu” (dipetik daripada Nik Safiah Karim, 1993 : 4).

Daripada penjelasan di atas, boleh disimpulkan bahawa pengajian Melayu ialah bidang pengajian ilmiah yang menyelidik segala aspek manusia Melayu dan lingkungan pengajiannya tidak dapat ditentukan oleh sempadan politik, tetapi ditentukan oleh pertalian dari pelbagai aspek, seperti sejarah, taburan kumpulan etnik dan pertalian bahasa. Tentang perkataan Melayu, UNESCO telah menyifatkannya sebagai konsep geografi yang “meliputi kawasan kepulauan Melayu yang luas, yang meliputi juga selatan Negeri Thai, Pulau Famosa, hingga ke Madagaskar di Lautan Hindi” (dipetik daripada Nik Safiah Karim, 1993 : 4). Pandangan Taib Osman di atas disokong oleh tafsiran ini.

Ismail Hussein (1999 : 15) pula, dalam persidangan pengajian Melayu yang diadakan di Hatyai, Selatan Negeri Thai, menyatakan keperluan untuk meluaskan skop pengajian Melayu yang tidak terikat kepada batasan negara. Dalam konteks ini, kajian ini yang meliputi dua kelainan bahasa Melayu merupakan satu percubaan untuk melangkah keluar dari sempadan negara atau “batasan politik nasional yang telah mengongkongi kita buat sekian dekad (Ismail Hussein, 1999 : 12)”.

Menurut Syarahan Perdana Nik Safiah Karim tersebut lagi, dalam pengajian Melayu sebagai pengajian wilayah terdapat dua pendekatan:

- (a) Kajian yang bersifat perbandingan, untuk melihat persamaan dan perbezaan antara kelompok Melayu yang berbeza-beza, bagi menggambarkan kesatuan atau pertalian yang amat erat;
- (b) Kajian yang mendalam terhadap kelompok-kelompok masyarakat dalam dunia Melayu, untuk mencungkil ciri-ciri keistimewaan masing-masing, dengan sekaligus melihat kepelbagaian corak masyarakat ini, yang timbul daripada kepelbagaian pengalaman.

Kajian perbandingan bahasa Melayu dalam tesis ini memang mengambil pendekatan (a) demi memperjelas perbezaan dan persamaan.

Dari segi objek kajian pula, pengajian bahasa merupakan satu bidang yang utama dalam pengajian Melayu. Kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan pengajian Melayu kebanyakannya berkisar mengenai persoalan bahasa. Ini menunjukkan minat para pengkaji yang cukup tinggi terhadap soal bahasa.

Ismail Hussein (1999 : 12) juga menekankan kepentingan pengajian bahasa dan menyatakan harapan supaya “lebih banyak penyelidikan dapat ditumpukan kepada masalah-masalah perbedaan dan jurang yang ada pada bahasa-bahasa Melayu serantau”.

Dalam Syarahan Perdananya Nik Sufiah Karim (1993 : 18) telah menegaskan bahawa bagi pengajian Melayu, usaha meluaskan bidang pengajian amat penting. Dalam kajian linguistik Melayu, beliau menyenaraikan beberapa aspek yang perlu menerima perhatian wajar daripada para penyelidik linguistik Melayu, iaitu falsafah bahasa, perancangan bahasa, pengajian atau pemetaan dialek seterusnya ialah yang “merupakan lanjutan kepada kegiatan-kegiatan perancangan bahasa. Persoalan tentang wacana dan laras-laras bahasa, persoalan tentang gangguan-gangguan bahasa, sama ada daripada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa etnik lain”.

Kajian ini akan menyentuh aspek-aspek seperti ini dalam bab-bab berikutnya. Di samping itu, kajian ini juga merupakan satu percubaan untuk meluaskan sempadan pengajian Melayu kepada kawasan yang lebih luas, iaitu sedikit ke utara dari Semenanjung Tanah Melayu.

Walaupun kajian ini menggunakan kaedah-kaedah bidang sosiolinguistik, hubungannya dengan falsafah bahasa tidak kurang kepentingannya. Falsafah bahasa ialah linguistik am, iaitu bidang pengajian yang menyelidik sifat-sifat penting yang ada pada bahasa secara am. Aspek kemasyarakatan bahasa merupakan satu sifat yang penting bagi bahasa. Oleh sebab itu, sosiolinguistik sepertutnya tidak boleh terlepas dari linguistik falsafah. Kajian ini bertujuan untuk membina kerangka teoritis sosiolinguistik yang sesuai dari sudut pandangan pengajian Melayu, maka jalinannya dengan falsafah bahasa tetap terjamin.

Kesimpulannya, perbandingan bahasa Melayu di dua daerah yang negaranya berlainan mempunyai kesesuaian, baik dari pandangan pengajian Melayu sebagai pengajian wilayah, mahupun dari segi penyelidikan terhadap bahasa Melayu dalam pengajian Melayu yang aspek utamanya bersifat sosiolinguistik.

1.8.2 Kesesuaian Dari Segi Bidang Sosiolinguistik

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa sosiolinguistik merupakan bidang pengajian yang meninjau perhubungan antara bahasa dengan masyarakat. Aspek-aspek kemasyarakatan, iaitu pelbagai gejala masyarakat, akan dicerminkan pada aspek-aspek tertentu yang ada pada bahasa. Perkara ini merupakan bidang utama yang ditinjau dalam sosiolinguistik. Bidang yang mengkaji aspek kemasyarakatan yang ada pada bahasa secara khusus (seperti ‘bahasa dan ideologi’, ‘bahasa dan kuasa’, ‘bahasa dan diskriminasi’, ‘bahasa dan jantina’ dan seumpamanya) ada kalanya dipanggil “sosiologi bahasa”. Walau bagaimanapun, dalam kedua-dua hal ini, perhubungan antara bahasa dan masyarakat tetap menjadi teras bidang pengajian.

Sebagai bidang kajian sosiolinguistik yang relevan bagi keadaan di Malaysia, Nik Safiah Karim (1988) menyenaraikan bidang-bidang berikut;

- a) Bahasa, dialek, idiolek
- b) Kedwibahasaan
- c) Profil sosiolinguistik sesuatu masyarakat bahasa
- d) Etnografi bahasa

- e) Sikap bahasa
- f) Perancangan bahasa

Bidang yang disenaraikan di atas bukan sahaja sesuai untuk keadaan di Malaysia, tetapi juga mempunyai kesesuaian dari segi sosiolinguistik dalam lingkungan pengajian Melayu, iaitu kesemuanya boleh diaplikasikan kepada pengajian yang lebih luas ruang lingkup geografinya.

Tujuan utama dalam kajian ini ialah perbandingan arah perkembangan bahasa Melayu di Malaysia dan di selatan Negeri Thai. Dalam kajian ini, keadaan umum lebih dipentingkan daripada satu-satu keadaan yang terperinci. Setelah ditinjau unsur asing dalam bahasa Melayu, akan dianalisis profil sosiolinguistik bahasa Melayu di kedua-dua daerah. Di sini aspek yang paling penting ialah negara.

Dari satu segi, bahasa Melayu dengan dialek Patani boleh dibandingkan berdasarkan dialektologi, iaitu bahasa Melayu sebagai kelainan baku dan dialek Patani sebagai kelainan daerah. Aspek ini memang penting, tetapi kedua-dua kelainan tersebut tidak boleh dibanding sekiranya cuma dalam rangka dialektologi sahaja. Dalam hubungan “kelainan baku – kelainan daerah”, kedudukan dialek Patani sama dengan dialek-dialek lain, terutamanya dialek Kelantan yang merupakan dialek serumpun. Tetapi kedua-dua dialek ini patut ditinjau dari sudut pandangan sosiolinguistik yang lebih luas. Dialek Kelantan (dan juga bahasa baku) ialah kelainan yang menerima pengaruh daripada perancangan bahasa, manakala dialek Patani boleh dipandang sebagai kelainan yang tidak mengalami proses perancangan bahasa dan tidak menerima

pengaruh daripadanya.

Perbezaan negara bukan sahaja memberi corak yang berlainan kepada profil sosiolinguistik, tetapi juga mempengaruhi sikap bahasa masyarakat penutur masing-masing.

Di Malaysia, bahasa Melayu bukan sahaja dituturkan oleh penutur asli, iaitu orang Melayu, malah sebelum kemerdekaan telah menjadi bahasa perhubungan antara kaum (walaupun terdapat kegemaran terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan antara kaum, baik sebelum kemerdekaan mahupun setelahnya). Misalnya, dalam novel *Salina*, karya A. Samad Said, digambarkan keadaan sosiolinguistik di Tanah Melayu (dalam konteks ini, khususnya Singapura) yang bahasa Melayunya memainkan peranan sebagai bahasa antara kaum. Malah, setelah kemerdekaan pihak yang bertanggung jawab terhadap perancangan bahasa ingin sekali menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa milik bersama semua kaum di Malaysia. Penukaran nama daripada bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia melambangkan keinginan ini. Pemisahan Singapura daripada Malaysia juga sebahagiannya disebabkan oleh faktor bahasa. Para pemimpin kaum bukan Melayu di Malaysia yang selalu menjawab wawancara daripada media massa dalam bahasa Melayu juga membuktikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa semua kaum.

Sebaliknya di Patani, atau lebih luas di wilayah sempadan selatan Negeri Thai, bahasa Melayunya, dialek Patani, selalu dikaitkan dengan kaum dan agama (Mohd. Amberi, 1992 : 251). Kecuali sejumlah kecil peniaga di kawasan bandar, kaum bukan

Melayu secara umumnya tidak menguasai bahasa Melayu. Bahasa Melayu di selatan Thai merupakan milik kaum Melayu dan dengan itu sentiasa dikaitkan dengan agama Islam. Hal ini akan dibincang dalam bab 3 nanti.

Kedua-dua kawasan kajian merupakan kawasan anekabahasa⁵, yang menggunakan lebih daripada dua kelainan dalam kehidupan seharian. Sifat masyarakat Malaysia yang anekabahasa telah lama menjadi tumpuan para pengkaji sosiolinguistik⁶. Selain bahasa Melayu termasuk dialeknya, terdapat banyak bahasa tempatan, baik bahasa orang Asli⁷ di Semenanjung Tanah Melayu, mahupun bahasa-bahasa kaum bumiputera bukan Melayu di Sabah dan Sarawak.

Di samping itu kepelbagaiannya bahasa kaum pendatang juga amat menarik. Bahasa yang digunakan oleh kaum Cina di peringkat komunikasi seharian ialah dialek-dialek bahasa Cina seperti dialek Hokkien, dialek Kantonese, dialek Teochu dan sebagainya. Bahasa Mandarin pula memainkan peranan sebagai *lingua franca* dalam masyarakat Cina dan juga sebagai bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi serta media massa, baik media cetak mahupun media elektronik.

Kaum India pula kebanyakannya menggunakan bahasa Tamil. Tetapi terdapat perbagai-bagai dialek seperti halnya bahasa Cina. Bukan sahaja dialek yang serumpun

Dalam tesis ini, istilah "anekabahasa" dan "dwibahasa" digunakan dalam maksud yang sama, iaitu nasayarakat atau penutur yang menggunakan lebih daripada dua kelainan. Tentang penggunaan dua istilah ini, sila lihat Romain (1994) atau Gorsjean (1982).

Contohnya profil sosiolinguistik Malaysia oleh Asmah (1975, 1992) atau Nik Safiah Karim (1992).

Bahasa Orang Asli di sini bermaksud bahasa tempatan (*indigenous language*) yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu dan dari segi rumpun bahasa berada di bawah bahasa Austroasia atau bahasa aborigini.

dengan bahasa Tamil, iaitu bahasa-bahasa rumpun Dravidian seperti bahasa Telegu dan bahasa Malayalam, terdapat juga dialek (atau bahasa⁸) yang berada di bawah rumpun bahasa Indo-Eropah seperti bahasa Punjab, bahasa Hindi dan bahasa Urdu. Mungkin akibat daripada keadaan sosiolinguistik di India, kaum India di Malaysia juga tidak menggunakan bahasa kaumnya sendiri sebagai *lingua franca* dalam kaum, tetapi menggantikannya dengan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

Selain bahasa-bahasa orang tempatan (*vernacular language*) terdapat bahasa yang memainkan peranan khas. Bahasa Inggeris berfungsi sebagai *lingua franca* bagi orang-orang tertentu dan juga sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi dan digunakan dalam media massa secara amat luas, baik media cetak maupun media elektronik. Bahasa Arab pula memainkan peranan yang amat penting dalam agama Islam. Setiap hari orang Malaysia (bukan sahaja orang beragama Islam) mendengar bunyi bahasa Arab melalui siaran azan dalam media elektronik. Penutur asli bagi kedua-dua bahasa tersebut hampir tidak ada di Malaysia (bererti kurang daripada satu peratus), namun peranannya dalam masyarakat tidak kurang penting berbanding dengan bahasa-bahasa lain.

Di wilayah sempadan selatan Thailand pula, walaupun kepelbagaiannya tidak setara seperti di Malaysia, tetapi kawasan ini juga tetap merupakan kawasan nekabahasa (bukan sahaja dwibahasa).

Masalah yang berkaitan dengan kelainan bahasa di India amat rumit. Penafsiran sesuatu kelainan sama la sebagai bahasa atau dialek tidak mutlak dan bergantung pada ukuran tertentu. Contohnya, bahasa Punjab, bahasa Hindi dan bahasa Urdu merupakan tiga kelainan yang boleh difahami antara satu sama lain, tetapi diberikan nama yang berlainan kerana huruf yang berbeza dan sentimen perkauman berdasarkan perbezaan agama. Sila rujuk Romain (1995 : 39).

Selain bahasa Melayu dialek Patani, di wilayah Satun pula digunakan dialek Satun yang serumpun dengan dialek Kedah. Di samping itu, bahasa Melayu yang berbentuk baku juga digunakan dalam situasi-situasi yang formal, terutamanya dalam khutbah Jumaat dan siaran radio. Dalam pengajaran agama pula, kitab-kitab dalam tulisan Jawi juga menggunakan bahasa Melayu yang bersifat baku.

Selain itu, bahasa Thai baku (dalam bahasa Thai dirujuk sebagai *phaasaa klaang* yang bermaksud bahasa tengah) digunakan sebagai bahasa antara kaum. Di samping bahasa Thai baku, terdapat dialek Thai selatan (dalam bahasa Thai dirujuk sebagai *phaasaa tai* yang bermaksud bahasa selatan) yang merupakan bahasa tempatan bagi daerah ini. Di samping bahasa-bahasa utama bagi daerah ini, terdapat segolongan kaum Cina yang masih mengekalkan dialek Cinanya sendiri dan mereka masih membaca surat khabar dalam bahasa Mandarin.

Oleh sebab kedua-dua kawasan ini merupakan kawasan anekabahasa seperti yang telah dijelaskan di atas secara ringkas, maka gejala bahasa yang berkaitan dengan anekabahasa sering berlaku, bermula daripada peminjaman hingga kepada peringkat peralihan kod. Hal ini akan dibincangkan dalam bab 4 dari beberapa sudut pandangan (sila rujuk **bab 4**).

1.9 Penutup

Bahasa Melayu di Malaysia dan dialeknya di Patani, walaupun berasal daripada rumpun yang sama, kini mengambil bentuk yang agak berlainan. Perbezaan ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor dialek (dari segi dialektologi, dialek Patani hampir sama dengan dialek Kelantan), tetapi juga oleh faktor-faktor yang memberi pengaruh terhadap perkembangan bahasa, seperti profil sosiolinguistik dan perancangan bahasa.

Kajian ini bermula daripada perbincangan mengenai latar belakang sejarah, lalu memasuki peninjauan terhadap keadaan semasa, baik dari segi profil sosiolinguistik yang melatari masyarakat mahupun perbezaan bahasanya sendiri. Peninjauan ini bertujuan untuk membina kerangka perbandingan yang dapat digunakan demi tujuan kajian seterusnya. Dalam bahagian terakhir, pengkaji menyelidik beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi oleh kelainan bahasa Melayu di daerah masing-masing baik dari segi penggunaannya mahupun dari segi korpusnya.

Kedua-dua kelainan bahasa Melayu kini menghadapi satu keadaan yang boleh disifatkan sebagai krisis lantaran ancaman daripada bahasa utama dalam negaranya sendiri, iaitu bahasa Inggeris di Malaysia dan bahasa Thai di Thailand. Walaupun puncanya agak berlainan, iaitu ancaman bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu di Malaysia disebabkan oleh sikap orang Melayunya sendiri, sebaliknya ancaman bahasa Thai terhadap dialek Patani disebabkan oleh paksaan bahasa Thai oleh pihak kerajaan, namun akibatnya tetap sama. Dengan demikian, cabaran dan ancaman terhadap bahasa Melayu di kedua-dua daerah ini boleh dibincangkan di atas landasan yang sama.

AS10824656

Akhir sekali, sebagai kesimpulan pengkaji cuba meramalkan arah perkembangan bahasa Melayu pada masa depan secara umum dan menyajikan beberapa penyelesaian masalah demi pertahanan bahasa Melayu dalam alaf baharu.